

Tasawur Amalan *Tasamuh*

Mohd Shukri Hanapi

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia

Islam ialah agama sejagat kerana mengandungi nilai-nilai moral yang bersifat universal. Sebarang bentuk diskriminasi sama ada disebabkan perbezaan status sosial, agama ataupun keturunan dilarang oleh Islam. Pendirian Islam tersebut telah diterjemahkan dalam kehidupan bermasyarakat seperti pada zaman keagungan pemerintahan Islam baik pada zaman Rasulullah SAW, khulafa al-Rasyidin, mahupun kerajaan Islam sesudah itu. Keadilan dan kesaksamaan benar-benar dinikmati oleh golongan bukan Islam yang hidup bersama-sama masyarakat Islam. Konsep keadilan dan kesaksamaan ini lahir hasil daripada manifestasi amalan *tasamuh* atau toleransi.



Sebagai sebuah negara yang berbilang agama, kaum, dan budaya, amalan *tasamuh* perlu diamalkan bersesuaian dengan tasawur yang sebenar mengikut ajaran Islam. Hal ini penting supaya umat Islam tidak bersifat terlalu keras sehingga menghilangkan keindahan dan *murunah* (fleksibiliti) ajaran Islam, dan supaya umat Islam tidak terlalu bebas sehingga melanggar batasan *tasamuh*, terutamanya melibatkan persoalan akidah. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur)." (*Surah al-Baqarah* 2:256).

Menurut Sayyid Qutb dalam *fi Zilal al-Quran*, selain larangan memaksa seseorang memeluk agama Islam, ayat ini juga mengandungi beberapa pengajaran, iaitu penekanan untuk memberikan penjelasan yang lebih diutamakan daripada menggunakan paksaan. Sesuatu yang dilakukan atau ditinggalkan berdasarkan paksaan tidak akan mendatangkan sebarang faedah kepada Islam. Prinsip ini membuktikan bahawa Allah SWT sentiasa memuliakan manusia dengan menghormati kehendak, fikiran dan perasaan seseorang dengan memberikan pilihan dalam urusan akidah kepada mereka.

Tegas Sayyid Qutb lagi, Islam menggunakan kekuatan sepanjang sejarahnya bukanlah untuk memaksa manusia menerima Islam. Sebaliknya untuk menjamin beberapa perkara seperti mempertahankan umat Islam daripada gangguan dan penindasan, menjamin keselamatan dan keamanan diri, harta dan agama mereka, serta menegakkan kebebasan dakwah setelah ditegakkan kebebasan akidah.

Dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Ibn Kathir merakamkan pengakuan 'Asbaq, iaitu hamba kepada Sayidina Umar ibn al-Khattab r.a. yang menceritakan bahawa dahulu beliau seorang Kristian dan hamba kepada Umar. Lalu, Umar menawarkan Islam kepadanya; dan beliau menolak. Lalu Umar berkata, "*La ikraha fi al-din* (tiada paksaan dalam agama)". Kata Umar lagi, "Wahai 'Asbaq, andainya kamu masuk Islam kami dapat meminta bantuanmu dalam urusan kaum Muslimin."

Selain al-Quran, Rasulullah SAW juga ada menyebutkan dalam beberapa hadisnya berkenaan dengan kedudukan golongan bukan Islam. Antaranya, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Ketahuilah, sesiapa bertindak zalim terhadap seorang yang terikat perjanjian keamanan dengan kaum Muslimin atau mengurangi haknya atau membebaninya lebih daripada kemampuannya atau

mengambil sesuatu daripadanya tanpa redanya, maka akulah yang akan menjadi lawannya pada hari akhirat kelak." (Hadis riwayat Abu Dawud).

Sabda Baginda lagi yang bermaksud, "Sesiapa yang membunuh seorang *mu'ahid* (yang terikat perjanjian keselamatan dengan kaum Muslimin), maka dia tidak akan mencium bau syurga, sedangkan harumannya dapat dicium dari jarak perjalanan empat puluh tahun." (Hadis riwayat Ibn Majah).

Kedua-dua hadis tersebut menyeru umat Islam supaya jangan sewenang-wenangnya menyakiti, menzalimi dan membunuh *ahl al-zimmah*. Mereka harus diperlakukan sama seperti umat Islam dengan memelihara harta, nyawa dan kehormatan mereka.

Tuntutan tersebut mesti dipelihara dengan bersungguh-sungguh seperti yang ditekankan oleh Sayidina Umar ibn al-Khattab r.a. ketika beliau hampir wafat. Beliau berpesan kepada bakal penggantinya supaya mengambil berat hal ehwal golongan bukan Islam. Katanya, "Hendaklah mereka (golongan bukan Islam) yang tinggal dalam negara Islam dipenuhi janjinya, tidak diperangi dan tidak dibebani di luar kemampuan mereka."

Amalan *tasamuh* seharusnya berteraskan tasawur atau acuannya. Memang diakui bahawa pergaulan umat Islam dengan golongan bukan Islam tidak dapat dielakkan. Tambahan pula, Islam tidak sesekali melarang pergaulan sesama manusia, bahkan sangat menganjurkannya. Namun begitu, pengamalan *tasamuh* ini ada batasnya seperti yang digariskan oleh Islam.

Pertama, tidak berkaitan dengan persoalan akidah. Akidah ialah persoalan pokok bagi umat Islam. Sebarang bentuk muafakat atau kompromi yang dibimbangi akan menjejaskan akidah seseorang Muslim mestilah dijauhi. Rasulullah SAW pernah diajak oleh pemimpin Musyrikin Makkah untuk berkompromi dalam hal akidah. Namun begitu, Baginda menolak ajakan tersebut dengan penuh ketegasan. Berdasarkan ajakan mereka tersebut, maka Allah SWT menurunkan *Surah al-Kafirun*. Oleh itu, merayakan hari kebesaran agama masyarakat bukan Islam dilarang kerana berkaitan dengan akidah.

Kedua, tidak berkaitan dengan persoalan ibadat. Dalam hal ini, dilarang sebarang bentuk *tasamuh* dalam ibadat *mahdah* (ibadat asas atau khusus yang terhimpun dalam rukun iman dan Islam) kerana ibadat dalam Islam telah ditetapkan oleh Allah SWT. *Tasamuh* dalam masalah ini bererti menafikan rukun iman yang enam dan kelima-lima elemen dalam rukun Islam. Hal ini bukan bermakna Islam melarang

mengamalkan ajaran agama mereka dan mendirikan rumah ibadat mereka.

Ketiga, tidak berkompromi dalam hak majoriti umat Islam. Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya, *Awlawiyyat al-Harakat al-Islamiyyat fi al-Marhalat al-Qadimat*, sebagai kumpulan majoriti, umat Islam mempunyai kebebasan untuk melaksanakan segala kewajipan agamanya. Umat Islam tidak seharusnya meninggalkan penyelesaian secara Islam lantaran tunduk kepada kepentingan minoriti bukan Islam. Tindakan tersebut bertentangan dengan prinsip kebebasan Islam untuk mengamalkan kewajipan beragama.

Keempat, tidak melibatkan beberapa jawatan penting. Dalam sebuah negara Islam, posisi tertentu dalam pemerintahan khususnya hak memegang jawatan tertinggi dalam pemerintahan berada sepenuhnya di tangan umat Islam. Begitu juga dengan jawatan yang mempunyai sifat atau unsur keagamaan, seperti ketua negara, ketua tentera dan kehakiman mestilah dipegang oleh umat Islam.

Perbezaan ini bukanlah bermakna agama Islam mengamalkan diskriminasi. Akan tetapi, Islam yang menjadi teras kepada pemerintahan sesebuah negara Islam pastinya menginginkan corak dan polisi pentadbiran sesebuah negara selari dengan syariat Islam. Oleh itu, sewajarnya diberikan keutamaan

kepada umat Islam untuk mendukung visi dan misi negara Islam tersebut.

Bagi jawatan ketua negara pula, pada dasarnya jawatan khalifah yang menggantikan Rasulullah SAW, dan di tangannya terletak kata pemutus ketika menjalankan hukum Allah SWT. Oleh sebab itu, pengganti Baginda tidak boleh diberikan kepada golongan bukan Islam. Demikian juga dengan jawatan ketua tentera yang bukanlah jawatan bagi orang awam kerana tugasnya terlibat secara langsung dengan jihad untuk menghadapi seteru Islam. Jawatan kehakiman pula menuntutnya untuk menjalankan keadilan berdasarkan syariat Islam.

Kelima, tidak mencaci agama atau sesuatu yang menjadi simbol sesuatu agama. Bagi mewujudkan ketenteraman dan keharmonian dalam sebuah masyarakat atau negara, maka tindakan menghina, mengejek atau memperkecil-kecilkan agama Islam, sama ada dilakukan oleh golongan bukan Islam ataupun umat Islam sendiri sangat dilarang. Larangan yang sama juga turut dikenakan kepada umat Islam agar tidak memperolok-olokkan simbol atau objek agama lain.

Keenam, tidak melibatkan makanan dan perkahwinan yang diharamkan. Umat Islam dilarang memakan sebarang jenis makanan bukan Islam semata-mata untuk menunjukkan sikap kompromi

“Umat Islam perlu diberikan maklumat yang jelas bahawa tasamuh itu dibenarkan bahkan diperintah oleh Islam, tetapi mesti beracukan tasawurnya dan berlandaskan batasan tertentu.”



atau tolak ansur. Demikian juga dengan persoalan perkahwinan dengan mana-mana wanita bukan Islam.

Walaupun demikian, dalam soal makanan, umat Islam diberikan kelonggaran oleh Allah SWT untuk makan atau minum kesemua jenis makanan dan sembelihan yang disembelih oleh Ahli Kitab. Begitu juga dalam soal perkahwinan, hanya khusus kepada wanita Ahli Kitab sahaja seperti yang disebut secara khusus oleh Allah dalam *Surah al-Maidah* ayat 5.

Ketujuh, tidak berkompromi dalam sebarang pelanggaran ikatan perjanjian dan persetujuan. Umat Islam dianjurkan berbuat baik kepada golongan bukan Islam, bahkan diperintahkan untuk saling membantu, mematuhi dan menghormati segala perjanjian yang telah dimeterai. Jika golongan bukan Islam melanggar perjanjian yang telah dipersetujui, maka *tasamuh* tidak lagi berlaku khusus terhadap pelanggaran tersebut sahaja. Malah, umat Islam dibenarkan untuk bertindak balas dan mengambil tindakan dengan cara memutuskan segera segala perjanjian sambil mengisytiharkan bentuk pengkhianatan tersebut ataupun tindakan lain yang dianggap wajar.

Dalam konteks pengamalan *tasamuh*, terdapat beberapa contoh amalan yang boleh diamalkan oleh umat Islam, seperti mengucapkan tahniah apabila mereka beroleh kejayaan, menziarahi ketika mereka sakit dan mengucapkan takziah jika ditimpa musibah seperti kematian. Semuanya terkandung dalam perintah Allah SWT dalam *Surah al-Mumtahanah* ayat 8 yang tidak melarang berbuat baik kepada golongan bukan Islam.

Ketika menziarahi mereka sakit, seseorang Muslim boleh mengucapkan ungkapan “semoga Allah akan menggantikannya dengan yang lebih baik”. Ucapan seperti ini dibenarkan kerana termasuk dalam hal *al-mujamalah* (kesopanan atau keelokan). Contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ialah menziarahi seorang budak Yahudi yang pernah menjadi hamba Baginda, dan ketika itu Baginda mengajaknya kepada Islam, lalu dia menerimanya.

Demikian juga bagi kes yang memerlukan rawatan daripada pakar dalam kalangan bukan Islam. Islam membenarkannya dengan syarat mereka terdiri daripada orang yang mempunyai reputasi yang baik, sama ada berkaitan dengan kepakarannya dalam bidang perubatan ataupun seseorang yang boleh dipercayai menurut ukuran manusia seperti mereka boleh dipercayai untuk menjaga harta.

Menurut Syeikh 'Atiyyah Saqar dalam *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam* bahawa, seorang Muslim boleh masuk ke dalam gereja dengan tujuan

lain. Misalnya, untuk meraikan perkahwinan atau untuk menyatakan takziah kepada mayat, tetapi dilarang mengikuti segala tatacara keagamaan mereka. Walau bagaimanapun, lebih baik menghindari majlis sedemikian kecuali ada keperluan tertentu seperti untuk menzahirkan *mujamalah* kepada kawan atau jiran.

Dalam persoalan seseorang yang telah memeluk Islam, maka amalan menasabkannya dengan nama “Abdullah” (hamba Allah) bukanlah tuntutan Islam. Seseorang yang telah memeluk Islam tidaklah diperintahkan untuk menukar nasab keturunannya kerana Islam tidak melarang penggunaan nama bapanya. Buktinya, ramai dalam kalangan para sahabat masih mengekalkan nama bapa mereka seperti Sayidina Umar ibn al-Khattab r.a. yang tidak mengubah nama bapanya, iaitu al-Khattab. Rasulullah SAW juga tidak pernah menyuruh untuk mengubahnya. Lagipun, keislaman seseorang bukanlah alasan untuk memutuskan pertalian dengan keluarga asal, bahkan hendaklah sentiasa bergaul dengan mereka dengan cara yang baik.

Antara cabaran yang pernah timbul dalam pengamalan amalan *tasamuh* ini termasuklah keghairahan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai agama sehingga mengabaikan persoalan akidah. Pada hakikatnya, hal ini tidak mengurangi komitmen terhadap kebebasan beragama. Kebebasan mereka menyambutnya sudah dianggap memenuhi hak kebebasan beragama. Sikap berlebihan jelas bertentangan dengan syarat *tasamuh* Islam, iaitu *tasamuh* tidak boleh menyangkut persoalan akidah.

Kesimpulannya, amalan *tasamuh* penting untuk menjaga keharmonian dan kestabilan dalam negara. Walau bagaimanapun, pengamalannya mesti dicorakkan oleh tasawurnya sendiri, iaitu tasawur Islam agar tidak sampai merosakkan akidah dan pada masa yang sama tidak menghilangkan sifat *murunah* Islam. Umat Islam perlu diberikan maklumat yang jelas bahawa *tasamuh* itu dibenarkan bahkan diperintah oleh Islam, tetapi mesti beracukan tasawurnya dan berlandaskan batasan tertentu. Pemikiran golongan bukan Islam juga perlu diperbetulkan bahawa larangan dalam Islam dalam hal tertentu tidak bermakna Islam tidak bertasamuh. Jika kedua-dua persoalan ini dapat dikendalikan dengan baik dan benar, isu yang melibatkan Islam dan bukan Islam akan dapat diselesaikan secara baik. Caranya adalah dengan meningkatkan dan memberikan pemahaman dan pendidikan secara konsisten. DTI